

July 2018



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

76th ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1578



9 772232 157005


Pelajar sekolah yang mengunjungi booth STEM playground JSK.



Peserta di Sudut FunFoto



Sebahagian peserta menyelesaikan sudoku



STEM Playground sempena Sarawak Career and Training Fair

Oleh: Azlina Bujang

Pada 10 Mac 2018 (Sabtu) Jabatan Sains Komputer (JSK) melalui Jawatankuasa STEM UiTM Cawangan Sarawak telah menyertai *STEM Playground, (SCaT Fair 2018)* bertempat di BCKK. Pelbagai aktiviti seperti FunFoto, Sudoku, Puzzle dan Fun Three telah berlansung dengan meriahnya. Peserta yang terdiri daripada pelajar sekolah rendah dan menengah khususnya daripada bandaraya Kuching, Samarahan dan Serian telah diberi pendedahan bagaimana untuk mengambil gambar yang baik dengan menggunakan telefon bimbit. Teknik-teknik seperti pencahayaan, postur badan yang betul semasa mengambil gambar serta teknik-teknik penting yang lain. Aktiviti ini disediakan bagi meningkatkan kemahiran mengambil gambar dan memori visual.

Di samping pendedahan tentang teknik mengedit foto dan memuat naik foto ke media social, peserta juga didedahkan dengan permainan seperti *Jigsaw puzzle* yang mampu meningkatkan simuliasi visual dan kebolehan mental peserta dalam menyelesaikan sesuatu masalah dan permainan Sudoku yang dapat membantu meningkatkan tahap pemikiran logik peserta. Semoga pameran *STEM playground* interaktif ini telah dapat meningkatkan minat golongan belia terhadap bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik.

Mukhayyam 'Arabi Siri 2.0 (Kem Pemantapan Bahasa Arab)

Oleh: Farhana binti Ghazuddin

Unit Bahasa Arab Akademi Pengajian Bahasa telah menganjurkan program Mukhayyam 'Arabi Siri 2.0 pada 7 April 2018 di kampus Samarahan 2, UiTM Cawangan Sarawak. Program ini bertujuan memperkasakan penggunaan Bahasa Arab dalam kalangan pelajar di samping menyuntik sifat kepimpinan dalam diri mereka.

Program ini disertai oleh pelajar-pelajar dari pelbagai latar belakang pendidikan. Oleh hal demikian, pihak penganjur amat menitikberatkan aspek modul program agar mereka seronok dalam menimba ilmu Bahasa Arab meskipun mereka tiada asas pengetahuan dalam bahasa tersebut. Program ini merupakan edisi kedua Mukhayyam di universiti ini. Edisi kali ini agak berbeza berbanding edisi pertama kerana pihak penganjur menyediakan beberapa permainan tradisional Malaysia dalam aktiviti *explorace*. Idea ini tercetus untuk memupuk semangat jati diri dan kerjasama dalam kalangan para peserta.

Bagi meneruskan legasi Mukhayyam 'Arabi, pihak penganjur diharapkan agar terus konsisten dalam mencipta modul dan idea yang berkesan untuk menarik minat pelajar dalam mempelajari bahasa ketiga di UiTM Cawangan Sarawak ini.



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications and International Relations Unit

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia**

Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110

E-mail: korporat_swk@uitm.edu.my

www.sarawak.uitm.edu.my